

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Dr M: Jaga kebersihan rohani dan jasmani

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru umat Islam supaya menjaga kebersihan rohani dan jasmani mengikut lunas-lunas yang dikehendaki Islam.

Menurutnya, Islam sangat mengutamakan kebersihan dan konsep kebersihan ini bukanlah terhad kepada kebersihan fizikal, sama ada kebersihan diri, makanan, pakaian, tempat tinggal, halaman dan persekitaran atau kebersihan yang berhubung dengan hadas yang berkait dengan ibadat.

"Teras kebersihan dalam Islam ialah kebersihan hati, iaitu sebagai manifestasi iman yang sebenar," demikian kata Datuk Seri Dr Mahathir dalam buku aturcara musabaqah membaca Al-Quran Ke-25 Peringkat Kebangsaan yang diadakan empat malam mulai Sabtu ini, di Kuala Terengganu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebersihan hati merangkumi segala fikiran dan kegiatan, sama ada yang berhubung dengan Allah mahupun yang berkait dengan perhubungan sesama manusia.

## Buruk sangka

Beliau mensifatkan, hati mereka yang tidak bersih akan mendorong seseorang manusia untuk buruk sangka terhadap orang lain, fitnah-memfitnah, tidak khushyuk dalam ibadat, bertindak tanpa perikemanusiaan dan melakukan kejahatan serta keburukan.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat hati yang tidak bersih akan melemahkan iman dan kelemahan iman pula boleh membawa kekotoran kepada hati.

Beliau mensifatkan tema musabaqah membaca Al-Quran tahun ini — Kebersihan Asas Kesempurnaan Iman — adalah intisari yang amat penting dalam kehidupan Islam sejati.

Konsep kebersihan ini jika benar-benar menjadi landasan pemikiran dan gerak-geri umat Islam, akan menjadi teras kemajuan dan kebahagiaan umat Islam seluruhnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berdoa kepada Allah semoga merestui rakyat negara ini dengan sifat-sifat kemuliaan dan meneguhkan iman dalam mencapai kebahagiaan dan kejayaan dunia dan akhirat. — Bernama.